

1100089069

Pusat Pembelajaran Digital Sultanah Nur Zahirah (UMT)
Universiti Malaysia Terengganu.

LP 27 FPE 2 2009



1100089069

Keberkesanan pasaran IKS yang efisien merangsang pertumbuhan ekonomi usahawan bumiputera di Malaysia kajian kes : semua sektor IKS di Kubang Pasu, negeri Kedah / Mohd Faiz Abdul Hamid.

**PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)
21030 KUALA TERENGGANU**

1100089069

21050 KUALA TERENGGANU

Lihat Sebelah



**KEBERKESANAN PASARAN IKS YANG EFISYEN
MERANGSANG PERTUMBUHAN EKONOMI
USAHAWAN BUMIPUTERA DI MALAYSIA
KAJIAN KES: SEMUA SEKTOR IKS DI
KUBANG PASU, NEGERI KEDAH**

**MOHD FAIZ BIN ABDUL HAMID
SARJANA MUDA EKONOMI
(SUMBER ALAM)**

**LAPORAN KERTAS PROJEKINI DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT
MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA MUDA EKONOMI
(SUMBER ALAM)**

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
(UMT)**

2009

PENGAKUAN

Saya akui Kertas Projek (EKN 4399A/B) ini adalah hasil kajian saya sendiri kecuali sumber-sumber yang telah saya jelaskan rujukannya.

Tarikh : *26.4.2009*



MOHD FAIZ BIN ABD HAMID

UK 13793

DECLARATION

I hereby declare that this project Paper (EKN 4399A/B) is the result of my own investigation and findings, accept where otherwise stated.

Date: *26.4.2009*



MOHD FAIZ BIN ABD HAMID

UK 13793

PENGHARGAAN

Assalamualaikum dan salam sejahtera.

Proses menyiapkan kertas projek (EKN 4399) yang berasaskan kepada fakta memang tidak dapat dinafikan mengambil masa yang agak panjang dan memerlukan sokongan padu daripada semua pihak yang berkenaan. Keluarga saya, terutamanya telah memberikan sokongan yang kuat terhadap usaha murni ini. Kepada kedua ibubapaku yang telah berkorban bertahun-tahun mengisi ilmu di dadaku, jasamu tidak dapatku balas melainkan doa dariku semoga engkau berdua sentiasa dicucuri dengan keredhaan Allah S.W.T baik di dunia maupun di akhirat. Selain itu, seluruh ahli keluargaku juga sama membantuku dalam menyiapkan kajian ini. Oleh itu, saya sangat terhutang budi dengan pengertian yang telah dibuktikan mereka. Semoga Allah S.W.T juga memberi balasan setimpal di atas segala pengorbanan keluargaku itu.

Pada kesempatan ini saya tidak ketinggalan untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada Cik Noor Haslina Bt Mohamad Akhir, pensyarah dari Jabatan Ekonomi, Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE) kerana beliau telah sama-sama bersusah payah membantu saya menyiapkan kajian ini. Tidak lupa juga saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua kakitangan MARA Kedah yang sama-sama membantu saya memberi maklumat bagi menjayakan kajian. Selain itu, saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada beberapa orang kakitangan Unit Perancang Ekonomi Negeri Kedah terutama sekali di bahagian pembangunan usahawan yang telah menyalurkan beberapa maklumat dan data berkaitan dengan kajian ini.

Sesungguhnya penyiapan kajian ini adalah hasil dari dorongan dan sokongan semua pihak yang terlibat. Segala rujukan telah dinyatakan sekadarnya. Namun begitu, sekiranya masih berlaku kesilapan, itu datangnya dari diri saya sendiri sebagai manusia yang lemah. Akhir sekali saya ingin menyusun sepuluh jari memohon maaf kepada semua pihak yang terlibat samada secara langsung mahupun tidak langsung dalam menyiapkan kajian ini.

Mohd Faiz Bin Abdul Hamid

UK13793

Sarjana Muda Ekonomi (Sumber Alam)

ABSTRAK

Sektor Industri Kecil dan Sederhana (IKS) merupakan satu sektor yang memberikan sumbangan kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia. Sokongan daripada kerajaan merupakan faktor tambahan dalam melahirkan usahawan yang cemerlang. Di samping itu kajian ini juga bertujuan untuk memberikan idea-idea yang berkesan agar usahawan bumiputera lebih kehadapan. Kajian ini dilakukan di daerah Kubang Pasu, Negeri Kedah dan melibatkan hampir 50 orang responden. Diskriptif analisis adalah menggunakan frekuensi dan crosstabs untuk menganalisis data yang digunakan. Selain itu, kajian ini juga mencadangkan alternatif baru dan idea-idea yang positif untuk meningkatkan pasaran IKS di Malaysia terutama sekali di daerah Kubang Pasu, Negeri Kedah.